

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH



KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) Kementerian Kerja Raya Malaysia serta Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK) dalam Gred dan Kategori yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/*JENIS PENDAFTARAN	GRED DAN KATEGORI	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TUTUP TENDER
Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CADANGAN BINA BARU MEDAN SELERA DI ATAS LOT 63502, TAMAN SERAYA EMAS, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH DARUL AMAN	Bumiputera T1	CIDB Gred : G3 Kategori: B, CE & ME Pengkhususan: B04 dan CE21 Berdaftar dengan LPIM (CIDB) dan MPSPK	Bahagian Kewangan, Jabatan Perbendaharaan Aras 4, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman Dokumen dijual dari 7 Mei 2018 (Isnin) Hingga 28 Mei 2018 (Isnin) Masa Jualan Ahad - Rabu (9.00 pg - 12 tghhari) (2.30 ptg - 4.00 ptg) Khamis (9.00 pg - 12 tghhari) *Dijual kepada petender yang menghadiri lawatan tapak sahaja	RM 700.00 Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani	Bahagian Kewangan, Jabatan Perbendaharaan Aras 4, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman Pada : 29 Mei 2018 Waktu : 12.00 tengah hari *Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri **Taklimat Dan Lawatan Tapak** pada **7 Mei 2018 (Isnin)** pada pukul **9.00 pagi** di **Taman Seraya Emas**. Hanya **PEMILIK/PENGARAH SYARIKAT** yang **DIBENARKAN** menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak dengan membawa bersama sijil pendaftaran **ASAL Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) Kementerian Kerja Raya Malaysia**, **Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam SPKK, PPK dan STB**

Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Aras 4, Jabatan Perbendaharaan** sepanjang tempoh tender dan **Dokumen Tender** boleh diperolehi di pejabat seperti alamat di atas pada waktu pejabat (9.00 pagi - 4.00 petang)

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor hendaklah membawa sijil pendaftaran (**ASAL dan satu (1) SALINAN**) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) Kementerian Kerja Raya Malaysia**. Salinan - salinan Perakuan dah/atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan di dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani. (Bayaran ini tidak akan dikembalikan)

*Jenis Pendaftaran:

T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan.

A1 - Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.